

15 FEB 2003

Hishamuddin-Aman

AMAN MALAYSIA RELEVAN SEBAGAI SUARA SEPADU RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN Malaysia) merupakan wadah terbaik bagi rakyat Malaysia menyatakan sokongan mereka mengenai keamanan sejagat di hadapan lebih 100 pemimpin dunia yang akan berada di Kuala Lumpur sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13.

Penaungnya Datuk Hishamuddin Tun Hussein yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Aman Malaysia sememangnya relevan sebagai suara perpaduan rakyat Malaysia dan tidak bertindih dengan mana-mana badan lain seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Ini satu peluang keemasan untuk kita rakyat Malaysia tak kira agama, latarbelakang, jantina, umur dan fahaman politik bersatu padu menyampaikan cadangan, pandangan, kritikan dan bantahan kita kepada pemimpin-pemimpin dunia," katanya di rancangan "Bicara Bernama" yang disiarkan malam ini di saluran Astro Ria (saluran 4 Astro).

Beliau bersama penyanyi terkenal Siti Nurhaliza diundang ke rancangan itu untuk berbicara mengenai objektif Aman Malaysia dan kepentingannya dalam memberikan impak terutamanya ketika Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Kuala Lumpur minggu depan.

"Apa yang kita nak lakukan ialah untuk menyedarkan orang ramai bahawa keamanan dan kedamaian sejagat merupakan satu perjuangan yang harus dipikul oleh semua pihak. Bukan sahaja di Malaysia tetapi rata-rata di dunia yang mana kita menghargai masa hadapan kita dan generasi akan datang," katanya.

Hishamuddin berkata Aman Malaysia sudahpun mencapai sasaran sejuta tandatangan dan ia akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama dengan sebuah memorandum keamanan di Perhimpunan Raksasa Aman Malaysia yang dijadual berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Feb.

Sementara itu, Siti Nurhaliza berkata beliau berbangga menjadi sebahagian daripada kempen Aman Malaysia kerana apa yang dilakukan oleh artis sepertinya akan menjadi ikutan ramai peminat khususnya generasi muda.

"Bagi Siti penglibatan seperti ini di mana Siti sama-sama menyokong kempen keamanan ini, adalah sesuatu yang perlu bagi Siti sebagai manusia, sebagai rakyat Malaysia dan seterusnya sebagai insan yang bencikan peperangan," katanya.

Beliau sedar perannya kini bukan sahaja sebagai artis tetapi juga sebagai "role model" untuk menjana pemikiran dan gaya hidup positif di kalangan generasi muda negara.

Siti akan membuat persembahan bersama-sama artis tempatan lain pada perhimpunan itu nanti.

-- BERNAMA

RBZ AZZ PR